



## KENYATAN MEDIA

### **PENGANUGERAHAN DARJAH – DARJAH KEBESARAN (SESI PERTAMA) SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KE-83 DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED SIRAJUDDIN IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL, RAJA NEGERI PERLIS TAHUN 2026**

---

Sempena **Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Ke-83 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis** pada **17 Mei 2026** bertempat di **Istana Arau, Perlis**, **Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail** telah berkenan untuk mengurniakan **Darjah – Darjah Kebesaran (Sesi Pertama)** kepada **24 penerima**.

Pada sambutan tahun ini, **Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis** telah memperkenankan untuk mengurniakan **Darjah Kebesaran Seri Setia Syed Sirajuddin Jamalullail** atau ringkasnya **(S.S.S.J)** yang membawa gelaran **Dato' Seri Diraja** ke hadapan **Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis** dan **Yang Amat Mulia Dato' Seri Datin Paduka Hajah Sharifah Fazira Binti Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Tengku Puteri Mahkota Perlis**.

Pada tahun ini juga, seramai **enam (6)** individu dianugerahi **Darjah Seri Paduka Mahkota Perlis (S.P.M.P)** yang membawa gelaran **Dato' Seri**, **dua (2)** individu dianugerahi **Darjah Dato' Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (D.S.S.J)** yang membawa gelaran **Dato' Paduka**, **seorang (1)** individu dianugerahi **Darjah Dato' Paduka Mahkota Perlis (D.P.M.P)** yang membawa gelaran **Dato'**, **lima (5)** individu dianugerahi **Darjah Dato' Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (D.S.P.J)** yang membawa gelaran **Dato'**, **empat (4)** individu dianugerahi **Darjah Dato' Panglima Sirajuddin Jamalullail (D.P.S.J)** dan **tiga (3)** individu dianugerahi **Darjah Setia Mahkota Perlis (S.M.P)**.

Mendahului senarai penerima bagi tahun 2026 dengan Darjah Seri Paduka Mahkota Perlis (S.P.M.P) yang membawa gelaran Dato' Seri, ialah YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Jeneral Datuk Haji Malek Razak Bin Sulaiman, Panglima Angkatan Tentera, YBhg. Dato' Sri Haji Mohd Khalid bin Haji Ismail, Ketua Polis Negara, YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Inspektor Jeneral Tan Sri Razarudin Bin Husain, Mantan Ketua Polis Negara dan YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Bin Ali, *Joint Chairman* MIGHT.

Seterusnya disusuli penerima Darjah Dato' Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (D.S.S.J) yang membawa gelaran Dato' Paduka, ialah Yang Mulia Tengku Ariez Hazaril Ibni Tengku Dato' Paduka Abdul Halim dan Ts. Dr. Aminuddin Bin Dato' Paduka Haji Ahmad Kayani, Ketua Pengarah Eksekutif, PPK Teknologi Sdn Bhd. serta disusuli penerima bagi Darjah Dato' Paduka Mahkota Perlis (D.P.M.P) yang membawa gelaran Dato', ialah Encik Shaharrudy Bin Othman, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian) Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Seterusnya bagi penerima Darjah Dato' Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (D.S.P.J) yang menerima gelaran Dato', penerima – penerima termasuklah Mejar Jeneral Shamshor Bin Haji Jaafar, Panglima, MK 5 Divisyen, Mejar Jeneral Hashim Bin Osman, Ketua Pengarah Operasi dan Latihan (OPLAT), MK TD, Dr. Jasmeet Singh Saren a/l Manjit Singh, dari Kementerian Kesihatan Malaysia, Kapten Wan Muzairul Bin Wan Mahazir, *Firefly Airlines* dan Puan Saniza Binti Said, Presiden, Institut Akauntan Malaysia (MIA). Tahun 2026 juga menyaksikan Darjah Dato' Panglima Sirajuddin Jamalullail (D.P.S.J) yang membawa gelaran Dato' dikurniakan kepada Dr. Hari Ram a/l Ramayya, Pengarah Perubatan, Hospital Pakar KPJ Perlis, Dr. Khairul Anuar Bin Che Azmi, Penasihat Undang-Undang, Universiti Sains Malaysia, Encik Lee Mo Toi, BUMITA, dan Encik Tan Swee Leong.

Mengakhiri senarai penerima Darjah Kebesaran (Sesi Pertama) bagi tahun 2026 ialah penerima Darjah Setia Mahkota Perlis (S.M.P) didahului oleh Brigedier Jeneral Azhar Bin Ahmad, Pengarah Pengurusan Latihan, MK PLDTD, Puan Nor Asnidar Binti Aziz, Timbalan Pengarah di Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan

Malaysia dan Encik Iyaru a/l Mthusamy, Setiausaha Kehormat Persatuan Olahraga Amatur Negeri Perlis.

Kerajaan Negeri Perlis mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan serta ucapan syabas dan tahniah kepada semua penerima Darjah Kebesaran Negeri Perlis bagi tahun 2026. Semoga kurniaan ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan berterusan dalam memartabatkan khidmat bakti kepada agama, bangsa dan Negeri Perlis khususnya.

## **KERAJAAN NEGERI PERLIS**

17 Mei 2026

---

Semua kenyataan rasmi Kerajaan Negeri Perlis boleh dirujuk di portal rasmi Kerajaan Negeri Perlis:  
[www.perlis.gov.my](http://www.perlis.gov.my)